

Giliran generasi Y jalin hubungan dengan wang

Nasihat, panduan daripada institusi kewangan bantu capai impian hidup



PERKAHWINAN adalah antara langkah awal dalam mematangkan diri pada peringkat pengurusan perbelanjaan hidup.

URUS WANG ANDA

Oleh Azli Ayob
azliayob@bharian.com.my

BEBERAPA tahun sudah berlalu sejak anda mendapat pekerjaan pertama dan berpeluang untuk menikmati hasil usaha keras anda.

Mungkin kini anda memiliki kereta sendiri, dan mempunyai rumah sendiri atau yang disewa.

Anda mampu membayar perbelanjaan seharian dan memperuntukkan simpanan dalam bentuk deposit dan pelaburan asas serta pelan insurans.

Tidak kira berapakah usia anda, apa yang anda lakukan dan di mana anda bekerja, urusan kewangan sering menjadi asas keputusan dan tindakan kita dalam mengharungi pelbagai peringkat pusingan kekayaan.

Minggu ini, artikel ini akan memberi tumpuan kepada mereka yang memasuki usia lewat 20-an dan melangkah masuk usia 30-an untuk menjadi Wealth Maximizers, atau yang digelar Generasi Y iaitu individu yang lahir antara 1976 hingga 1990.

Anda mempunyai pekerjaan yang stabil dan telah pun memenuhi keperluan asas anda, mempunyai sedikit wang simpanan dan kini boleh memikirkakan mengenai pelaburan untuk terus mengandakan wang anda.

Mungkin bukan membuat pelaburan secara kerap; mungkin anda sudah bosan bekerja dan sedang memikirkakan untuk menukar kerjaya anda, atau anda mahu melabur dalam perniagaan sendiri?

Anda ingin membuka restoran yang telah lama anda impikan dan menjadi bos sendiri?

Sering kali, mereka yang berada dalam lingkungan usia ini tertanya-tanya soalan seperti adakah saya berada dalam perhubungan serius, adakah saya akan berkahwin tidak lama lagi? Sekiranya saya berkahwin, adakah kami akan mempunyai anak?

Sekiranya anda berkata "ya" kepada mana-mana soalan itu, perbincangan berikut pasti akan menarik perhatian anda. Satu soalan yang tidak ramai bertanya pada diri mereka adalah: "Bagaimanakah perhubungan saya dengan wang?"

Ini adalah soalan yang kritikal. Perhubungan yang baik dengan wang, seperti mana-mana perhubungan jangka panjang yang lain, tidak dibina dalam sekelip mata.

Kebanyakan kita dalam peringkat kehidupan ini mungkin sibuk bekerja atau bahagia dalam perkahwinan, dan mungkin juga memiliki cahaya mata, tetapi tidak mengetahui langsung mengenai isu kewangan untuk men-

guruskan wang dengan bijak dan memupuk perhubungan supaya wang dapat membantu kita.

Langkah pertama yang perlu diambil untuk menguruskan kewangan kita dengan jayanya adalah dengan mengenal pasti profil diri kita terlebih dulu - keadaan, sasaran, tanggungjawab, aset dan toleransi terhadap risiko.

Sekiranya anda sudah berkeluarga atau merancang mempunyai anak, kebanyakan keputusan kewangan akan memfokuskan pada keluarga sebagai keutamaan.

Maka, belanjawan asas rumah tangga dan rancangan kewangan hendaklah merangkumi produk simpanan yang bersesuaian yang terdiri daripada pelaburan yang agak cair seperti simpanan tetap, deposit berstruktur, pelan simpanan dengan pembayaran sekali gus atau anuiti.

Sekiranya mempunyai anak kecil, anda patut menggalakkan mereka dengan tabiat menabung dari peringkat awal lagi dengan akaun 'Junior Savings'.

Ini mungkin bakal menjadi asas untuk anda membina dana pendidikan untuk anak anda di kemudian hari.

Anda juga mahu memastikan semua keperluan semasa ahli keluarga dipenuhi dan masa depan terjamin, khususnya jika berlaku sesuatu yang tidak diinginkan terhadap anda.

Maka, penting untuk anda mendapatkan perlindungan peribadi untuk diri dan keluarga yang tersayang dengan insurans atau perlindungan takaful.

Tiba masanya nanti anda mahukan kereta atau rumah yang lebih besar untuk keluarga yang lebih besar atau mencerminkan perubahan status anda.

Jika anda masih menyewa rumah, mungkin inilah masanya anda mempertimbangkan untuk membeli rumah sendiri atau melabur dalam hartanah bagi prospek kenaikan nilai dalam tempoh tertentu.

Maka, anda juga perlu memikirkakan mengenai pelbagai pilihan pembiayaan yang ada dan pilih satu yang sesuai dengan anda.

Anda boleh memilih produk tanpa kos awalan, pembayaran faedah awal yang rendah, pembiayaan yang berkaitan dengan simpanan atau yang bercirikan Islam atau syariah.

Dengan pelbagai pilihan yang ada, ia mungkin sukar dan adalah lebih baik jika anda mendapatkan nasihat perunding kewangan peribadi daripada bank yang mempunyai reputasi baik bagi membantu anda.

Sekiranya anda mahir dengan teknologi, anda boleh mula dengan mengakses peralatan dalam talian seperti pengira gadaai janji yang boleh didapati di laman web keba-



PEMBELIAN rumah adalah langkah selanjutnya yang penting dalam peringkat perancangan kewangan individu.

nyakan institusi kewangan utama.

Jika anda masih belum berkahwin, keputusan kewangan anda mungkin berdasarkan kepada sasaran memaksimumkan kekayaan demi mempertingkatkan gaya hidup dan status anda dengan makan angin, bergaul dengan teman, atau mampu memenuhi kehendak peribadi anda.

Anda mungkin mahu menaik taraf kepada produk prestij seperti emas, emas putih atau kad kredit premier yang memberi keistimewaan khusus dan manfaat yang sesuai dengan gaya hidup idaman anda.

Sekiranya anda lebih fokus kepada kerjaya dan cita-cita, tingkatkan kemahiran dan kelayakan anda melalui pinjaman peribadi daripada institusi kewangan untuk terus maju dalam syarikat dan industri yang anda ceburi.

Bagi mereka yang ingin menjadi usahawan, inilah peluangnya untuk mengembangkan idea besar perniagaan anda.

Bawalah pelan perniagaan anda ke bank dan dapatkan nasihat untuk pembiayaan daripada sokongan kecairan menerusi kredit pusingan dan pembiayaan modal kerja jangka pendek, hinggalah pinjaman penyambungan dan pembiayaan berjangka bagi memperoleh aset perniagaan dan pembiayaan projek.

Kini, terdapat banyak unit perbankan PKS yang memenuhi pilihan pembiayaan mikro untuk membantu memulakan perniagaan kecil.

Tidak kira sama ada anda sudah berkahwin atau masih bujang, seorang profesional atau bekerja sendiri, masih belum terlambat untuk anda memulakan persediaan men-



MEMILIKI kereta sendiri antara impian mereka yang baru memasuki alam pekerjaan dan pengguna perlu merancang kewangan bagi mencapai impian itu.

capai kebebasan kewangan yang sebenar, iaitu keupayaan untuk bersara dengan kekayaan dan aset yang cukup untuk mengekalkan gaya hidup yang selesa.

Ketika anda berada di awal umur dua puluhan dan baru mula bekerja, anda tentu merasakan bahawa umur lima puluh masih jauh lagi tetapi bagaimana pula dengan sekarang?

Masa depan anda bermula hari ini dan anda perlu bertindak ketika masa masih lagi berpihak dengan anda.

Kami telah menyebut di awal siri artikel bahawa simpanan KWSP sebenarnya tidak cukup untuk digunakan sepanjang tempoh anda bersara.

Anda seharusnya bersedia menghadapi tempoh persaraan anda dengan skim anuiti atau produk persaraan lain.

Anda perlu ingat bahawa kesan pengkompaunan menjadi lebih besar sekiranya anda bermula lebih awal.

Anda seharusnya bersedia menghadapi tempoh persaraan anda dengan skim anuiti atau produk persaraan lain.

Anda boleh mendapatkan nasihat dan panduan kewangan daripada institusi kewangan yang boleh dipercayai.

Sama juga seperti penasihat perkahwinan, mereka boleh membantu meningkatkan pertalian anda dengan wang anda.

Mereka boleh menunjukkan produk dan pelaburan kewangan mana yang diperlukan untuk membantu anda mencapai impian hidup dan tidak menjadi hamba kepada kerjaya anda atau perbelanjaan tetap anda.

Pelaburan yang mantap boleh membantu anda bersara lebih awal dan pada masa

yang sama mencapai status kewangan yang selesa untuk anda dan keluarga.

Penasihat kewangan yang bijak bukan hanya sekadar memperkenalkan produk secara rambang, tetapi akan memberi tumpuan kepada keperluan dan keinginan di setiap kitaran hidup dan kekayaan anda agar secocok dengan produk dan perkhidmatan kewangan yang disediakan.

Minggu depan kita akan menyentuh mengenai isu kewangan bagi mereka yang berjaya mengumpulkan kekayaan yang mencukupi tetapi bimbang mengenai cara untuk melindunginya. Mereka ini ialah Wealth Protectors, (yang lahir sebelum 1975), dan biasanya mereka ialah daripada Generation X atau sebahagian daripada kumpulan Baby Boomer.

Artikel ini disumbang oleh Alliance Bank